

Pemeriksaan Bahasa dan Persuratan Melayu Tonggak Pemartabatan Bangsa Bertamadun Tinggi

Oleh **AZIZUL HAJI ISMAIL**

Salah satu penanda aras menjadi bangsa yang bertamadun dan berperadaban tinggi ialah sesuatu bangsa itu perlu mempunyai budaya penggunaan bahasa tinggi dan sejarah persuratan yang "besar" untuk menjadi rujukan serta kebanggaan sehingga generasi pada masa kini. Dalam konteks peradaban dan ketamadunan bangsa Melayu, bahasa dan persuratan Melayu telah berkembang maju selari dengan sejarah keagungan bangsa tersebut melalui pembinaan kerajaan, wilayah, dan empayar yang bersifat kerajaan maritim di alam atau Kepulauan Melayu. Bahasa dan persuratan Melayu sebenarnya mendapat kedudukan tinggi dalam pelbagai ranah semenjak 2000 tahun dahulu apabila tertubuhnya kerajaan Melayu awal, iaitu Funan, Campa, Kesultanan Melayu Melaka, Pasai, Johor-Riau, Patani, Brunei dan Aceh.

Pada masa tersebut, bahasa Melayu digunakan hampir dalam segala lapangan kehidupan masyarakat yang merangkumi pentadbiran, undang-undang, diplomasi, perdagangan, keagamaan, dan ilmu serta pendidikan. Bahasa Melayu juga telah menjadi *lingua franca* bukan sahaja di alam Melayu,

malah melangkaui di luar alam tersebut, khususnya dalam bidang perdagangan dan penyebaran agama Islam. Sifat bahasa Melayu yang "liberal" dan keterbukaan membolehkan bahasa tersebut tidak "mati", malah semakin berkembang sehingga pada hari ini.

Bahasa dan persuratan Melayu pada masa dahulu telah memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pandangan hidup para pemerintah serta masyarakat secara keseluruhannya bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian hubungan golongan pemerintah dengan rakyat terpelihara. Hal ini disebabkan hubungan orang Melayu dengan rajanya amat rapat dan saling bergantung dari zaman dahulu sehingga sekarang, selaras dengan ungkapan "Raja dan Rakyat Berpisah Tiada". Bagi tujuan itu, penghasilan karya agung dalam persuratan Melayu telah dijadikan asas bagi memastikan bangsa Melayu mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan tamadun besar bangsa lain. Karya agung Hindu dipaparkan melalui *Ramayana* dan *Mahabharata*, manakala *Iliad* dan *Odyssey* pula dipaparkan dalam tamadun Yunani. Para cendekiawan Melayu terdahulu juga telah menghasilkan karya agung seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sulalatus Salatin* ataupun

Sejarah Melayu, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Aceh* dan *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut*. Karya agung ini menunjukkan cerminan citra bangsa yang mengandungi pelbagai petunjuk dan pengajaran berkaitan falsafah, adat resam, kepercayaan, pandangan sarwajagat, firasat bagi memberikan petunjuk dan pedoman kepada setiap generasi bagi menghadapi realiti dan menongkah arus cabaran globalisasi yang juga pernah dilalui oleh bangsa Melayu pada masa dahulu.

Para intelektual Melayu seperti Tun Seri Lanang, Hamzah Fansuri, Shamsudin al-Sumaterani, Abdul Rauf Sigkel, Nuruddin al-Raniri, Raja Ali Haji, dan lain-lain telah mempersembahkan karya agung yang padat dengan pengajaran dan teladan, dipersembahkan dalam bentuk bahasa yang indah serta perih tamsilan, sindiran, peribahasa, gurindam, pantun, bahasa berirama. Hal ini bersesuaian dengan ungkapan "bisa kata-kata Melayu lebih tajam daripada kerisnya". Contohnya, dalam *Sejarah Melayu* terdapat situasi yang menunjukkan teladan dan memberikan pengajaran kepada pemerintah supaya menjaga maruah rakyat. Hal ini disebabkan kerakusan nafsu pemerintah yang

akhirnya membawa perasaan malu atas perbuatannya sendiri serta mendapat tentangan terbuka daripada rakyat.

Orang Melayu khususnya pahlawan Melayu pada masa dahulu walaupun berada dalam keadaan amat marah masih dapat mengawal perbuatan dan kata-katanya dengan beradab. Hal ini terutamanya jika konflik dan pertembungan tersebut terjadi antara golongan rakyat dengan raja ataupun dengan golongan berpangkat besar. Peristiwa ini berlaku apabila Sultan Mahmud Syah telah meniduri isteri Tun Biajit, ketika Tun tiada di rumah pada malam hari. Pada masa itu, Tun boleh membunuh sultan atas perbuatan baginda tersebut ketika sultan keluar dari rumahnya pada waktu pagi. *Sulalat al-Salatin* (2009:157) menunjukkan kata-kata Tun Biajit masih terkawal walaupun telah berlaku perkara mengukar yang dilakukan oleh sultan terhadap isterinya.

"Daripada dia hamba Melayu tiada mahu mengubahkan setianya juga sekadang lembingnya juga ditimangnyu, katanya, "Hai Sultan Mahmud Syah, demikianlah pekerti tuan hamba. Sayang tuan hamba, tuan pada hamba. Jikalau tuan hamba bukan tuan pada hamba nescaya lembing ini kutikamkan di dada tuan hamba."

Sultan yang amat berkuasa pada masa itu juga telah merendah diri dan mengaku salah atas perbuatan keji yang telah dilakukannya oleh baginda. Maka titah baginda kepada para pengawalnya:

"Jangan kamu sekalian marah, kerana katanya itu benar. Sebab sedia salah kita padanya, hukumnya patut dibunuhnya oleh dia. Hamba Melayu tidak mahu durhaka mengubahkan setianya, maka demikian itu lakunya."

Selain itu, bahasa dan persuratan Melayu memainkan

peranan yang amat penting dalam penyebaran dan pengukuhan agama Islam dalam kalangan bangsa Melayu itu sendiri.

Dalam usaha melaksanakan dakwah dan menyebarkan Islam, bahasa dan persuratan Melayu telah dijadikan wahana bagi mengukuhkan akidah dan menimbulkan kasih sayang yang mendalam kepada utusan Allah, iaitu Nabi Muhammad SAW. Sirah dan biografi Nabi Muhammad SAW telah diolah dengan lebih indah berdasarkan al-Quran bagi menimbulkan kekaguman bangsa Melayu atas keagungan Baginda sebagai utusan Allah. Antara karya yang dikemukakan oleh para cendekiawan terdahulu termasuklah *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Mukjizat Nabi* dan *Hikayat Bulan Berbelah*. Selain itu, pahlawan Islam seperti Sayidina Ali juga diangkat keperwiranya seperti dalam *Hikayat Ali bin Abu Talib* serta watak Iskandar Zulkarnain, Muhammad Hanafiyah dan Amir Hamzah diberikan perwatakan yang luar biasa oleh penulis pada masa itu. Oleh hal yang demikian, penting untuk membentuk semangat keberanian dan jati diri bangsa orang Melayu, khususnya sebagai pembakar semangat kepada mereka untuk menghadapi kuasa asing, khususnya yang melibatkan bukan Islam dan mencerooboh alam Melayu ini. Para ulama dan pendakwah Islam di Nusantara juga telah menjadikan bahasa dan persuratan Melayu sebagai wahana untuk membicarakan ilmu tentang fiqh, tauhid, hadis serta falsafah sufisme yang dikemukakan dalam pelbagai genre seperti hikayat, syair, gurindam dan penulisan kitab-kitab agama. Di Nusantara, teks-teks agama dikenali sebagai kitab Jawi ataupun kitab kuning yang digunakan secara meluas dalam pembelajaran dan pengajaran menggunakan bahasa Melayu melalui tulisan Jawi. Pada

masa itu juga, pendekatan tasawuf dan aliran sufi yang merupakan peringkat ilmu tertinggi dalam Islam telah berkembang di alam Melayu melalui karya karangan Hamzah Fansuri seperti *Rubai Hamzah Fansuri*, *Syair Perahu*, dan *Syair Burung Pingai*. Syeikh Nuruddin al-Raniri yang berasal dari Gujarat menggunakan bahasa Melayu dalam karangan yang berkaitan bidang fiqh, usuluddin, metafizik dan ketatanegaraan. Antara karya besarnya termasuklah *Sirat al-Mustaqim* yang membicarakan ilmu fiqh secara meluas dalam bahasa Melayu yang dianggap sebagai kitab yang paling berautoriti dalam bahasa Melayu pada zaman tradisional sehingga abad ke-19.

Bahasa dan persuratan Melayu juga memainkan peranan amat besar bagi menggambarkan kebijaksanaan akal budi Melayu dalam pelbagai ranah kehidupan mereka. Bangsa Melayu bijak menyindir, memberi nasihat, melahirkan perasaan, persepsi dan membicarakan pandangan sarwajagat mereka melalui pantun, syair, cerita, hikayat, mantera, teromba, seloka, peribahasa, teka-teki, dan talibun. Namun, pantun merupakan genre puisi tradisional paling utama dan dianggap paling asli dimiliki oleh bangsa Melayu bagi mengungkapkan peribadi dan kebijaksanaan mereka. Hal ini amat penting disebabkan para pengkaji Barat juga mengiktiraf pantun sebagai jiwa dan keperibadian yang memaparkan siapa sebenarnya bangsa Melayu ini yang perlu dikaji jika ingin mendekati dan memahami mereka. Terdapat pelbagai tema yang terdapat dalam pantun mengikut tujuan pantun itu dicipta, contohnya tema agama, iaitu:

Asam kandis asam gelugur,
Ketiga asam si riang-riang;
Menangis mayat di depan kubur,
Teringat badan tidak sembahyang.

Contoh pantun bertemakan politik dan kepimpinan ialah:

Banyak rumput tumbuh di lembah,
Rumput muda dimakan gajah;
Raja adil raja disembah,
Raja zalim raja disanggah.

Selain itu, orang Melayu pada zaman dahulu juga menggunakan seloka bagi memberikan sindiran tajam kepada pihak tertentu melalui watak Pak Kaduk yang dianggap tamak, bebal dan tidak berfikir panjang apabila membuat keputusan. Hal ini dikemukakan dalam "Seloka Malang Pak Kaduk", iaitu:

Aduhai malang Pak Kaduk,
Ayamnya menang kampung tergadai
Ada nasi dicurahkan
Awak pulang kebuluran.

Selain itu, terdapat juga sindiran pedas yang ditujukan kepada orang Melayu yang terlalu murah hati, yang memberikan segala-galanya kepada orang asing sehingga akhirnya menyusahkan diri dan bangsa mereka sendiri. Hal ini digambarkan dalam "Seloka Emak Si Randang", iaitu:

Baik budi emak Si Randang
Dagang lalu ditanakkan
Tiada berkayu rumah diruntuhkan
Suami pulang kelaparan
Anak dipangku diletakkan
Kera hutan disusukan

Orang Melayu juga menunjukkan kebijaksanaan mereka untuk menyindir dan menyampaikan hasrat hati melalui peribahasa yang dijadikan sebagai perantara untuk mencapai maksud dan matlamat mereka. Contohnya, bagi menyindir manusia yang tidak setia dan hanya seketika dalam percintaan dan kasih sayang melalui peribahasa "hujan di tengah hari". Seterusnya bagi menyindir orang yang melupakan jasa seseorang melalui peribahasa adalah "seperti kacang lupukan

kulit", dan bagi menyindir manusia yang tamak dan tidak cerdik pula ialah "yang dikejar tidak dapat, yang dikendong bercirikan". Peribahasa digunakan oleh orang Melayu untuk mengur dan memberikan nasihat umum kepada orang yang "reti bahasa" agar teguran tersebut dapat dilembutkan dan tidak seperti terlalu menghina pihak yang ditegur itu.

Bahasa dan persuratan Melayu juga berperanan dalam usaha memberikan kesedaran terhadap bangsa bagi menimbulkan semangat nasionalisme dan mengejar kemajuan terhadap bangsa dan negara ini. Selain menimbulkan semangat untuk merdeka, bahasa dan persuratan Melayu khususnya melalui cerpen, sajak, dan novel digunakan untuk menaikkan semangat bangsa Melayu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan kemunduran yang membelenggu bangsa tersebut. Untuk itu, A. Rahim Kajai telah menghasilkan 48 buah cerpen (1936-1941) antaranya *Punggok Merindukan Bulan*, *Cerita Awang Putat* dan *Buang Bangsa*, *Buang Harta Keranamu Tuan* bagi membicarakan dan menyedarkan bangsanya agar mengejar kemajuan dalam bidang budaya, ekonomi dan pendidikan, tetapi masih mengamalkan budaya Melayu yang positif.

Selain beliau, tokoh seperti Wijaya Mala, Keris Mas, Awam il-Sarkam dan Usman Awang pula menghasilkan cerpen yang membela golongan bangsa Melayu yang tertindas akibat "putaran ganas" politik, ekonomi dan sosial di negara sendiri. Contohnya, karya Usman Awang sangat prihatin dan cuba membela nasib petani, nelayan, pekerja buruh, peniaga jalanan, gelandangan dan golongan miskin. Kebanyakan cerpen beliau mengentus soal rasuah, perpaduan kaum, perbezaan kelas dan kasih sayang.

Contoh cerpen beliau ialah *Pilihan Raya, Malam Kemerdekaan, Turunnya Sebuah Bendera dan Kami yang Terlibat*. Penghasilan novel pula telah diketengahkan oleh Ishak Haji Muhammad ataupun Pak Sako bagi mencetuskan semangat nasionalisme bangsa Melayu supaya menentang penjajah di negara ini. Beliau mengarang *Putera Gunung Tahan* (1937) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941) yang telah menimbulkan konflik antara penjajah dengan penduduk asal negara ini yang akhirnya membawa semangat orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan serta mempunyai kerajaan sendiri. Penghasilan karya sebegini menunjukkan bahasa dan persuratan Melayu menjadi wahana bagi merasa denyut nadi bangsa Melayu untuk melahirkan bangsa Melayu yang berfikir moden dan global tetapi masih mempunyai jati diri yang kukuh.

Namun, pada masa kini segala peranan bahasa dan persuratan Melayu tinggi seperti yang telah dikemukakan seakan-akan semakin terpinggir dalam arus pemodenan negara. Sikap masyarakat pada masa sekarang yang lebih berminat kepada hiburan ringan menyebabkan persuratan Melayu, khususnya yang bersifat ilmiah dan "berat" serta karya sastera dipandang sepi khususnya oleh golongan muda. Hal ini diburukkan lagi dengan penularan gajet yang menyebabkan minat terhadap persuratan Melayu khususnya karya sastera melalui pembacaan semakin jauh dalam kehidupan masyarakat. Para sasterawan dan ahli bahasa serta karyanya kini tidak menjadi ikutan dan pedoman untuk menghadapi arus kehidupan, berbanding dengan kegunaan golongan muda terhadap golongan artis yang popular bukan sahaja dalam negara malahan melibatkan artis luar negara terutamanya dari Korea Selatan.

Hal ini menjadi semakin parah apabila berlaku krisis keyakinan

daripada pelbagai golongan yang melibatkan para pemimpin, cendekiawan, pentadbir, ahli perniagaan, malahan rakyat biasa yang tidak yakin terhadap kemampuan bahasa dan persuratan Melayu sebagai bahasa yang mampu membawa negara dalam arus pemodenan. Golongan ini masih terajah dengan "mentaliti hamba", dan terlalu fana dengan arus globalisasi yang akan memusnahkan tanpa simpati kedudukan bangsa yang mempunyai "jiwa kecil" serta tidak mempunyai jati diri yang kukuh. Janganlah diulangi sikap Pak Kaduk yang hanya menang sorak tetapi kampung tergadai. Bahasa dan persuratan Melayu yang telah mantap dan terbukti kecemerlangannya tercalar semata-mata kerana ingin meniru dan memartabatkan bahasa penjajah sebagai bahasa utama di negara sendiri ini.

Bagi mengatasi masalah ini, golongan muda perlulah memberikan kecintaan sejati terhadap bahasa dan persuratan Melayu, serta tidak hanya berfokus untuk mendapatkan keputusan cemerlang semata-mata dalam peperiksaan subjek bahasa dan kesusasteraan Melayu. Dalam hal ini, sudah tentulah keberkesanan pelaksanaan modul KomSas dan kesusasteraan Melayu wajar diberikan "nafas baharu" terutamanya kaedah pembelajaran dan pengajaran komponen tersebut di dalam bilik kelas. Walaupun tidak dinafikan sukatan pelajaran dan pelaksanaan yang sedia ada sudah boleh dianggap terbaik, namun bagi kesan jangka panjang, penghayatan sastera dalam kalangan pelajar untuk memastikan nilai murni dalam sastera yang dipelajarinya semasa di sekolah perlu dimantapkan dengan latihan amali dalam kelas serta diterjemahkan dalam bentuk lakonan dan bukan hanya teori dan teknik hafalan semata-mata. Teknik

ini penting bagi melaksanakan pengukutan dalam minda dan jiwa pelajar agar bahasa dan persuratan Melayu menjadi pegangan hidup mereka, terutamanya ketika berada di alam pekerjaan.

Selain itu, pihak sekolah perlu memainkan peranan aktif serta diberikan sokongan padu berbentuk material, moral dan kekaparan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang meliputi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), serta Dewan bahasa dan Pustaka (DBP). Pihak tersebut juga perlu memberikan insentif berbentuk pengiktirafan dan wang tunai, malah biasiswa kepada pelajar yang menunjukkan minat mendalam serta mempunyai potensi dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu. Pelajar tersebut dibimbing dan diberikan motivasi pada peringkat awal persekolahan agar mereka mempunyai minat dan ilmu yang tinggi berkaitan dengan penulisan pelbagai genre, seterusnya mampu memartabatkan bahasa dan persuratan Melayu pada masa akan datang.

Selain itu, para guru dan pensyarah universiti wajar menghayati kembali dan melaksanakan peranan seperti yang dilakukan oleh golongan cendekiawan terdahulu. Masyarakat terlalu "dahaga" curahan ilmu berkaitan bahasa dan persuratan Melayu daripada golongan bijak pandai. Untuk itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi berperanan untuk memberikan galakan dengan menyediakan insentif berbentuk material, pengiktirafan dan motivasi kepada para guru dan pensyarah yang menjadi penulis prolific bagi memartabatkan bahasa dan persuratan Melayu. Pihak Kementerian tersebut harus mengadakan sayembara penulisan pada peringkat murid sekolah, guru sekolah, mahasiswa dan

pensyarah bagi menyemarakkan penghasilan karya dalam bahasa Melayu.

Kesimpulannya semua pihak menghargai usaha para pemimpin negara, ulama, cendekiawan, guru, dan penulis kerana telah berusaha meletakkan bahasa dan persuratan Melayu pada tahap yang begitu membanggakan. Bahasa dan persuratan Melayu bukan sahaja digunakan sebagai hiburan oleh penglipur lara pada masa itu, sebaliknya sudah sampai kepada tahap intelektual yang tinggi khususnya melalui pantun, membicarakan ilmu agama yang tinggi, memberikan panduan untuk mentadbir sesebuah kerajaan, serta menjadi pembakar semangat kepada rakyat untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak penjajah. Kepada pihak yang berkira-kira mahu "membunuh" bahasa dan persuratan Melayu, kembalilah ke pangkal jalan, hayatilah tujuh wasiat Raja-raja Melayu yang telah digubal pada 5 Ogos 1957 sewaktu memperkenankan Watak Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Seperti tertera, "Kami wasiatkan kepada zuriat keturunan kami tujuh perkara yang mana jika kamu bersatu padu dan berpegang teguh kepadanya selama itulah kamu akan aman damai dan selamat sejahtera". Perihal bahasa dan persuratan Melayu terkandung dalam wasiat keenam, iaitu "Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu". Oleh hal yang demikian, semua golongan masyarakat harus mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap bahasa Melayu sebagai tonggak pembinaan tamadun tinggi kerana kita hanya boleh mendapat kejayaan hakiki apabila bahasa, budaya dan persuratan Melayu dimartabatkan dalam negara sendiri. Yakinihlah dengan kata-kata Maju Bahasa Majulah Bangsa dan Bahasa Jiwa Bangsa. (08)